

**Calon PAS DUN Tanjung Batu Buat Laporan Polis Rumah Disimbah Cat
Bernama
18 April, 2013**

TAWAU, 18 April (Bernama) -- Calon PAS bagi Dewan Undangan Negeri Tanjung Batu membuat laporan polis selepas bahagian depan rumahnya di Taman Tawau di sini disimbah cat merah awal pagi Khamis.

Fatmawaty Mohd Yusuf, yang juga Bendahari PAS Kalabakan, membuat laporan polis kira-kira 9 pagi di Ibu Pejabat Polis Tawau di sini.

Turut terkena simbahan cat dalam kejadian kira-kira 3 pagi itu ialah dua buah kereta yang diletak di garaj rumah berkenaan.

"Tingkap kaca depan rumah turut dipecah, mungkin dibaling dengan batu berbalut kertas. Kertas pembalut batu berkenaan tertera tulisan berbunyi 'Tarik Diri Atau...!!!', " katanya kepada pemberita selepas membuat laporan polis itu.

Kata Fatmawaty beliau membuat laporan polis kerana emosi dan keselamatannya terganggu.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=943217>